

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP
(MERBOK)**

TARIKH : 3 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP [MERBOK] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sepanjang wabak COVID-19, terdapat ibu warganegara Malaysia yang melaporkan tidak dapat mendaftarkan kelahiran anak mereka tanpa kehadiran bapa bukan warganegara yang terkandas di luar negara. Bagaimanakah pendaftaran kelahiran anak yang dilahirkan di Malaysia kepada wanita warganegara Malaysia ini akan diproses.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Setiap kelahiran yang berlaku di Malaysia hendaklah didaftarkan di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) selaras dengan Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299) bagi Semenanjung Malaysia, Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (*Sabah Chapter 123*) 1951 bagi Negeri Sabah, dan Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (*Sarawak Chapter 10*) 1951 bagi Negeri Sarawak. Ketiga-tiga undang-undang tersebut jelas menyatakan **tanggungjawab ibu bapa atau mana-mana individu yang mengetahui tentang kelahiran** untuk mendaftarkan kelahiran berkenaan kepada JPN tanpa mengira taraf kewarganegaraan, keturunan atau latar belakang.

Dalam hal ini, pendaftaran kelahiran masih boleh diterima dan diproses khususnya semasa penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mulai 18 Mac 2020. Bagi kes pendaftaran kelahiran yang bapanya berada di luar negara akibat terkandas, JPN akan melaksanakan urusan pengesahan identiti berkaitan bagi membolehkan maklumat bapa direkodkan dalam Sijil Kelahiran berkenaan. Sukacita diingatkan agar individu yang mengemukakan permohonan pendaftaran kelahiran berkenaan hendaklah membawa bersama dokumen pengenalan diri ibu bapa, pengesahan kelahiran, Buku Rawatan Ibu Mengandung, dan dokumen perkahwinan ibu bapa anak tersebut.